

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 April 2017**

**SOALAN**

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha Kerajaan menangani masalah pembuangan bayi.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius mengenai masalah pembuangan bayi yang berlaku pada hari ini. Bagi menangani isu tersebut Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung masalah tersebut termasuk menambah baik dasar dan perundangan untuk perlindungan kanak-kanak. Antara usaha-usaha yang dijalankan adalah seperti berikut : Program Advokasi/ Pencegahan Melalui Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproductif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI). 1. Menjalankan beberapa kajian bagi melihat salah laku seksual dalam kalangan remaja dengan lebih mendalam. Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual dan Reproductif Remaja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah disiapkan dan hasil kajian telah dibentangkan dalam seminar pada tahun 2016. Sementara itu kajian Youth Intervention Study: Best Practices of Youth Intervention Programmes in Malaysia dalam fasa terakhir dan akan diterbitkan pada tahun 2017. Kedua-dua kajian tersebut akan membantu mengenal pasti punca masalah secara holistik serta meneliti pendekatan dan program intervensi yang bersesuaian. Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan beberapa inisiatif baharu telah diambil. Di antaranya ialah memperluaskan program PEKERTI kepada golongan berisiko tinggi, mempertingkat akses remaja kepada kesihatan reproduktif melalui pendekatan Transit Kafe@TEEN, serta menjalankan kajian impak bagi program-program yang disasarkan kepada remaja. 2. Dalam usaha menangani salah laku seksual remaja yang didapati kebanyakan berpunca daripada remaja lelaki, LPPKN telah membangunkan Modul Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Seksual khas untuk Remaja Lelaki yang berumur 16 tahun ke atas. Modul ini direka khusus untuk menangani isu seksual, kesihatan reproduktif dan sosial dalam kalangan lelaki lewat remaja. Antara kandungan modul adalah isu seks sebelum kahwin, variasi seks, kehamilan remaja, penderaan seksual, isu gender dan penyakit kelamin termasuk HIV/AIDS. Program rintis telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2016 melibatkan 5 buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah. Pada tahun ini, perlaksanaan program menggunakan modul ini akan diperluaskan lagi ke semua negeri. Pihak LPPKN juga sedang menjalankan kajian penilaian ke atas keberkesanan perlaksanaan program PEKERTI di seluruh negara. Kajian ini dijangka siap pada akhir tahun 2017. 3. Selain telah melaksanakan program PERKERTI di sekolah, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Kolej Komuniti, pihak kementerian telah memperluaskan perlaksanaan program kepada golongan berisiko tinggi melalui program PEKERTI@KOMUNITI. Perlaksanaan program PEKERTI@KOMUNITI telah melibatkan penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), serta pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Secara keseluruhan sebanyak 147 program PEKERTI@KOMUNITI telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga 2016 dengan penyertaan melibatkan seramai 7,370 peserta dari kalangan remaja dan ibu bapa. 4. Konsep Pusat Transit Kafe@TEEN telah diperkenalkan sebagai tempat persinggahan yang selamat bagi pelajar sebelum atau selepas waktu sekolah dalam usaha untuk mengurangkan pengaruh negatif rakan sebaya. Dua program rintis Transit kafe@TEEN di UTC Keramat, Kuala Lumpur dan Presint 16, Putrajaya merupakan tambahan kepada perkhidmatan sedia di 16 Pusat Remaja Kafe@TEEN di sepuluh buah negeri. Pusat Remaja kafe@TEEN berkonsep mesra remaja bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif, menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (skills building) untuk golongan remaja. Sejak penubuhannya pada 2006 sehingga 2016, sebanyak 381,952 remaja telah mengikuti program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran manakala 27,651 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seramai 7,993 mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Program Intervensi 1. Meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan, pembuangan dan pendedahan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Individu yang melakukan kesalahan tersebut sekiranya disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya. Selain itu, individu yang didapati bersalah

juga dikehendaki menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori. 2. Menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Terdapat 4 buah institusi kendalian JKM disediakan untuk kanak-kanak hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun dan 2 buah institusi untuk wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Wanita dan keluarga kanak-kanak yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara. 3. Kementerian turut menyediakan 65 buah institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, 53 buah Klinik Nur Sejahtera dan 149 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang bersedia memberi perkhidmatan sokongan kepada ibu bawah umur yang mengandung luar nikah ini. 4. Perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada ibu di bawah umur yang mengandung luar nikah turut disediakan. Dalam hal ini seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN) serta 51 orang Panel Kaunselor di bawah penyalarasannya LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga yang traumatis. 5. Kementerian turut menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) yang menyediakan tempat perlindungan dan khidmat sokongan sosial termasuk Baby Hatch kepada wanita bawah umur yang mengandung luar nikah. Sehingga kini terdapat sebanyak lapan (8) buah hospital dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan Baby Hatch di seluruh Malaysia. 6. Kementerian melalui JKM turut menjalankan kerjasama strategik seperti kempen, seminar dan forum melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi seperti Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak bagi memaklumkan perkhidmatan yang ada disediakan.

